

Pelajar UUM perlu bas waktu pejabat

BH 24/8/99 UUM/12

S. V. R. P. D.

PERKHIDMATAN pengangkutan awam yang tidak cekap dan berkesan yang menghubungkan antara pekan Changlun ke Kampus Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok sudah lama diperkatakan oleh orang ramai terutamanya pelajar. Buat masa ini sebuah syarikat bas diberi tanggungjawab mengendalikan laluan itu sejak kampus itu dibuka pada 1991. Namun dari segi jumlah kekerapan perkhidmatan yang diberikan masih belum mencapai tahap yang memuaskan, terutamanya pada waktu an-

tara jam 9 pagi hingga tengah hari. Setahu saya pada waktu pagi ada tiga kali saja bas yang masuk ke kawasan kampus iaitu pada jam 6.45 pagi, 7.30 pagi dan 9 pagi. Selepas jam 9 pagi hingga tengah hari jarang kelihatan kelibat bas kecuali Khamis, Jumaat dan hari cuti umum.


Perkara ini walaupun tidak menjejaskan kegiatan pelajar secara keseluruhannya kerana pada waktu itu pelajar sibuk ke kuliah dan tidak ada yang berhajat keluar dari kampus. Tetapi bagi mereka yang ingin menyelesaikan

urusan di luar kampus terutama yang membabitkan urusan rasmi dan terikat dengan waktu pejabat pada waktu itu atau ada perkara kecemasan yang memerlukan keluar dari kampus, ia akan menimbulkan masalah. Hendak diharapkan motosikal dan kereta, bagaimana dengan pelajar yang tidak ada lesen memandu? Bagaimana pula pihak UUM mengurangkan penggunaan motosikal oleh pelajarannya di dalam kampus pada masa akan datang? Ia lebih menyukarkan pelajar untuk menjalankan

projek persatuan atau kajian yang berkaitan pembelajaran di luar kampus. Sudahlah jarak yang jauh, ditambah lagi dengan keadaan jalan yang buruk kerana jalan Changlun - Sintok sedang dalam pembinaan untuk membuat lebuh raya.

Mungkin pihak pentadbir UUM sudah berpakat dengan pihak syarikat bas supaya tidak menyediakan bas pada waktu itu, atas alasan tidak menggalakan pelajar keluar pada waktu itu dan menumpukan pada kuliah. Tetapi di sini saya

meminta supaya perkara ini difikirkan semula, kerana perkhidmatan bas diperlukan bukan saja oleh pelajar UUM tetapi juga oleh penduduk sekitarnya. Mungkin pihak syarikat memikirkan persoalan kos apabila terpaksa menyediakan perkhidmatan pada waktu yang dirasanya tidak ada orang yang hendak menaiki basnya. Ditambah pula dengan kurangnya kegiatan ekonomi dan kawasan perumahan yang berpenduduk padat di sekitar lembah Sintok ini.



SAUDARA PEMBACA,

Terima kasih kerana menulis kepada ruangan ini. Hanya surat yang disertakan nama, alamat, nombor kad pengenalan dan nombor telefon (jika ada) saja akan dilayani. Adalah lebih wajar jika surat anda ditaip selang dua baris.

Hantarkan surat anda kepada:
Pengarang (Harian Pembaca),
Berita Harian Sdn Bhd,
31 Jalan Riong,
59100, Kuala Lumpur.

No. Faks: 03 - 2822425

Emel Berita Harian: bharian@bb.nstp.com.my

Ini juga menjadi satu isu lain yang perlu difikirkan oleh pihak berkenaan bagi memikirkan bagaimana untuk merancakkan lagi kegiatan ekonomi di kawasan ini.

Namun buat masa jangka pendek ini khidmat bas antara Alor Star, Jitra dan Changlun ke UUM, Sintok perlu diperbaiki dari segi kekerapannya dan jadual

perjalanan bas-basnya perlu dipamerkan di perhentian-perhentian bas di kampus UUM.

BURHANUDDIN A
KADIR,
Setiausaha Agung
Persatuan Mahasiswa
Universiti Utara
Malaysia,
Sintok Kedah Darul
Aman.